

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN SHAHARIZUKIRNAIN BIN ABD. KADIR  
[ SETIU ]**

**TARIKH : 4 JULAI 2019**

**SOALAN :**

**Tuan Shahrizukirnain bin Abd. Kadir [Setiu] minta PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan berhasrat untuk menyediakan pekeliling melarang ahli politik mengadakan majlis di rumah-rumah ibadat memandangkan wujud bantahan rakyat terhadap majlis penyerahan zakat oleh ahli politik bukan beragama Islam dan penganjuran majlis berbuka puasa di kuil oleh ahli politik beragama Islam.

**JAWAPAN : (YB DATUK SERI DR. MUJAHID BIN YUSOF, MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kerajaan sentiasa peka terhadap isu-isu berbangkit yang menyentuh sensitiviti umat Islam di negara ini. Kerajaan juga sentiasa mengambil langkah-langkah yang proaktif untuk melindungi dan mempertahankan kedudukan serta kesucian Islam sebagai agama bagi Persekutuan disamping berusaha untuk mengekalkan keharmonian antara penganut agama supaya isu-isu yang timbul tidak dieksploitasi oleh mana-mana pihak.

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, pelaksanaan aktiviti agihan zakat adalah berbeza bagi setiap negeri mengikut dasar dan pertimbangan pihak berkuasa agama Islam negeri masing-masing dan

## NO. SOALAN : 40

Kerajaan Persekutuan tidak boleh mencampuri urusannya dalam perkara berkenaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, perkara berkaitan penyerahan bantuan zakat oleh individu bukan Islam kepada asnaf yang dibuat oleh pemimpin politik bukan beragama Islam sepertimana yang berlaku di Pulau Pinang tempoh hari, penyerahan bantuan oleh wakil rakyat bukan Islam dilihat hanya sebagai pengantara dalam kapasiti sebagai pemimpin masyarakat semasa penyampaian bantuan tersebut, namun apa yang lebih penting adalah zakat tersebut diserahkan kepada golongan yang layak menerima zakat sebagaimana yang dinyatakan di dalam Al-Quran, dalam surah At-Taubah Ayat 60 telah menjelaskan bahawa zakat hanyalah layak diberi kepada lapan golongan asnaf iaitu fakir, miskin, amil, muallaf, fisabilillah, ibnu sabil, al-gharimin dan ar-riqab.

Kerajaan sebelum ini melalui Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) telah menerbitkan Manual Pengurusan Agihan Zakat pada tahun 2007. Penyediaan manual ini adalah dengan kerjasama semua Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dan Agensi Mengurus Zakat (AMZ) sebagai panduan dan rujukan MAIN dan AMZ dalam urusan agihan zakat kepada asnaf yang berkelayakan.

Berhubung penganjuran berbuka puasa di kuil, dalam konteks di Malaysia yang merupakan negara Islam, hubungan antara agama kekal berada pada tahap yang baik dengan penganut setiap agama sejak sekian lama saling memahami sensitiviti antara satu sama lain. Ini mungkin berbeza dengan umat Islam yang tinggal di negara bukan Islam di luar negara yang perlu lebih banyak meraikan keadaan sekeliling. Justeru, kerajaan tidak berhasrat untuk mengeluarkan apa-apa pekeliling mengenai isu ini, sebaliknya menasihatkan semua pihak agar sentiasa memelihara dan menghormati sensitiviti setiap penganut agama.

Sekian, terima kasih.